

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.05.2016

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauhmana langkah dibuat terhadap penyeludupan barangan bersubsidi minyak masak, tepung gandum dan bahan api serta tindakan penyelesaiannya.

JAWAPAN

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengambil pendekatan yang menyeluruh melibatkan kerjasama di antara

beberapa Kementerian dan agensi-agensi penguatkuasaan dalam usaha menangani penyeludupan barang bersubsidi seperti minyak masak, tepung gandum dan bahan api. Secara amnya, barangan bersubsidi dikawal dari segi pelesenan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kemajuan Petroleum 1974 untuk memantau rapi kuantiti kuota subsidi yang telah ditentukan. Minyak diesel dan tepung gandum juga merupakan barang-barang yang diwartakan di bawah Perintah Larangan Eksport dibawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 yang berkuatkuasa mulai tahun 2011.

Bagi mengawal dan membanteras aktiviti penyeludupan barangan bersubsidi daripada diseludup ke negara jiran, berbagai langkah telah diambil termasuklah langkah utama seperti berikut:

i. Pendekatan Pengurusan Risiko

Pendekatan menggunakan pengurusan risiko diambil oleh Pusat Risikan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Melalui inisiatif ini, kawasan berisiko tinggi dikenalpasti dan profil penyeludup dan sindiket dibangunkan melalui kaedah risikan seperti pengawasan, penjejakkan dan pemerhatian. Pendekatan ini membolehkan aktiviti penguatkuasaan dijalankan dengan lebih berkesan, termasuklah menyekat penyeludupan barang-barang bersubsidi melalui pelabuhan dan pintu keluar - masuk negara.

ii. Operasi Penguatkuasaan Bersepadu

Dari aspek penguatkuasaan di dalam negara, operasi bersepadu dijalankan oleh JKDM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan menggempur *hotspot* penyelewengan barang kawalan bersubsidi secara berterusan di seluruh negara dan mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Kastam 1967 dan semua undang-undang lain yang berkaitan.

iii. Operasi Penguatkuasaan Berkala

Operasi secara berkala di sempadan negara dan pintu keluar - masuk yang sah turut dijalankan oleh JKDM dengan lain-lain agensi seperti KPDNKK, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Antara operasi yang dijalankan adalah seperti Ops Sekat Bukit Kayu Hitam dan Ops Lautan Biru di sempadan Kelantan - Thailand. Pemantauan berterusan juga dilaksanakan di tempat-tempat strategik yang sering dijadikan laluan oleh penyeludup termasuk kawasan-kawasan pendaratan dan lorong-lorong tikus.

iv. Rampasan dan Pembekuan Peralatan Yang Terlibat

Dalam Aktiviti Penyeludupan

Melalui operasi yang dijalankan, semua peralatan yang digunakan dalam perlakuan jenayah seperti kapal dan lori akan dirampas bagi mencegah kegiatan jenayah berulang. Selain itu, akaun dan aset penjenayah yang diperolehi dari sumber haram seperti kegiatan penyelewengan dan penyeludupan bahan petroleum bersubsidi akan dirampas dan dibekukan serta penjenayah akan didakwa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2011.

v. Aktiviti Pengauditan Pemborong Barang Bersubsidi

Pengauditan ke atas pemborong barang kawalan bersubsidi juga dijalankan secara berterusan dan tindakan undang-undang akan diambil sekiranya pihak pemborong didapati terlibat dalam jenayah penyelewengan.

vi. Penetapan Waktu Operasi dan Kuota Jualan Minyak di Sempadan

Sebagai usaha mengawal bekalan bahan api bersubsidi daripada diseludup ke negara jiran, waktu operasi stesen minyak di kawasan sempadan dihadkan sehingga jam 10.00 malam sahaja. Penjualan diesel kepada kenderaan asing juga ditetapkan supaya tidak melebihi 20 liter sahaja bagi setiap pembelian. Kuota jualan petrol RON95 kepada stesen minyak dihadkan sebanyak 600,000 liter sebulan ke

atas stesen-stesen minyak dalam radius 25 km dari sempadan negara.

vii. Pendekatan Secara Pendidikan

Pendekatan melalui kaedah pendidikan turut diambil melalui penganjuran kempen kesedaran dan publisiti dari semasa ke semasa bertujuan menyedarkan orang awam supaya melaporkan sebarang kegiatan penyeludupan dan penyimpanan barang-barang belum lulus kastam termasuk penyeludupan barang-barang bersubsidi. Sesetengah kempen ini diadakan dengan kerjasama pihak swasta. Kempen-kempen mencegah penyeludupan diadakan di kawasan yang aktif dengan kegiatan penyeludupan untuk menggalakkan penduduk setempat memberikan kerjasama dalam membekalkan maklumat dan membantu jabatan dalam usaha membanteras aktiviti penyeludupan termasuk barang-barang bersubsidi.